

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 APRIL 2015

BN Sabah tidak 'berpaling'

KOTA KINABALU 7 April - Di sebalik kritikan demi kritikan yang diterima oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Barisan Nasional (BN) negeri ini tidak akan sesekali 'berpaling' daripada menyokong Perdana Menteri untuk terus mentadbir negara.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengerusinya, Datuk Seri Musa Aman yang melihat Najib merupakan pemimpin negara yang sentiasa memberi perhatian terbaik kepada negeri ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ketua Menteri Sabah menegaskan, BN negeri sentiasa menyokong kepemimpinan Najib biarpun mendapat kritikan khususnya daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Kita (BN Sabah) nak menegaskan, kita akan berdiri teguh di belakang

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN serta Presiden UMNO.

"Beliau (Najib) sentiasa memberi perhatian dan keutamaan yang terbaik untuk Sabah," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-60 Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC) di Wisma SCC dekat sini hari ini.

Beliau mengulas tentang kritikan Dr. Mahathir yang menjelaskan UMNO dan BN akan kalah jika Najib menerajui parti dan pentadbiran kerajaan

dalam pilihan raya umum akan datang.

Sebelum ini, Kelab Penyokong BN (BNBBC) menerusi Pengerusinya, Tan Sri Shahrir Abdul Samad menegaskan, kesemua Ahli Parlimen BN turut berdiri teguh di belakang Najib dan tidak bersetuju dengan loitikan terbuka Dr. Mahathir itu.



MUSA AMAN